

AMANAH DALAM PEKERJAAN MENURUT TAFSIR AL-TABARI

Dr. Muhammad Yusry¹, Affandy bin Md Isa²

Abstrak

Amanah adalah nilai yang penting dalam sesuatu amalan kerja. Islam telah mewajibkan nilai ini meskipun melibatkan urusan kerja sesama manusia. Artikel ini menampilkan penekanan amanah dalam Islam berasaskan lapan teks ayat al-Quran dan pentafsiran al-Quran yang dikemukakan Ibn Jarir al-Tabari. Beliau iaitu Abu Ja'far Muhammad bin Jarir al-Tabari telah menghasilkan *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an* yang turut dikenali sebagai *Tafsir al-Tabari* merupakan antara karya tafsir terawal dan bersifat *ma'thur*. Dalam dunia pekerjaan, masalah integriti sering berlaku. Setiap umat Islam harus sedar bahawa integriti adalah prinsip al-Quran yang tidak patut diabaikan. Kajian ini penting untuk dijadikan garis panduan integriti kerja individu Muslim terutamanya di Malaysia dan seterusnya menatijahkan kerja yang diredai Allah lagi bermutu positif. Kajian ini mengaplikasikan kaedah penganalisan data termasuk kaedah deduktif dan deskriptif yang digunakan untuk mendapatkan ayat-ayat amanah dalam *al-Quran al-Karim* dan menghuraikan fakta-fakta pentafsiran dalam karya *Tafsir al-Tabari*. Selanjutnya, data dianalisis bagi mendapatkan rumusan tentang aspek penekanan amanah dalam konteks amalan kerja. Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun pentafsiran bercorak *al-mat'hur* di bawah pengaruh bahan ilmiah klasik, namun pentafsiran amanah sentiasa relevan dan bersesuaian untuk ditekankan dalam dunia pekerjaan sepanjang zaman. Islam amat mewajibkan perilaku amanah bagi menjayakan urusan kerja sesama manusia seiring dalam misi melaksanakan amanah daripada Allah SW.T. Rumusan paling penting ialah setiap ayat amanah yang ditafsirkan al-Tabari mempunyai pertalian erat dengan dunia pekerjaan. Amanah terbahagi kepada dua bahagian iaitu amanah daripada Allah SWT dan amanah sesama manusia. Dalam menjiwai amanah, seseorang Muslim perlu memahami bahawa Allah SWT telah menurunkan mesej amanah yang wajib dilaksanakan sebaik mungkin. Kewajipan ini dapat dilaksana dengan kompetensi positif dalam diri pemimpin atau pekerja bawahan.

Kata kunci: *Amanah; pekerjaan; tafsir; al-Tabari*

¹ Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

² Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Abstract

Integrity is an important value in a work practice. Islam has required this value even though it involves working with fellow human beings. This article features the emphasis on trust in Islam based on eight Quranic verses and the interpretation of the Quran presented by Ibn Jarir al-Tabari. He is Abu Ja'far Muhammad ibn Jarir al-Tabari who has produced *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*, also known as *Tafsir al-Tabari*, which is one of the earliest interpretation work in *ma'thur* area. In the world of work, integrity issues often occur. Every Muslim should be aware that integrity is a principle of the Qur'an that should not be ignored. This study is important to be used as a guideline for the integrity of the individual Muslim work especially in Malaysia and subsequently to pursue a good quality of God's work. This study applies the method of data analysis included deductive and descriptive methods which are used to obtain the verses of trust in the *al-Qur'an al-Karim* and describe the facts of interpretation in the work of *Tafsir al-Tabari*. Furthermore, the data were analyzed to obtain conclusions about the aspects of trust emphasized in the context of work practice. The findings show that although *al-mat'hur's* interpretation is under the influence of classical scientific materials, the interpretation of trust is always relevant and appropriate to emphasize in the work environment over time. Islam is very obliging of the behavior of trust to succeed in work among human beings in line with the mission of implementing the trust from Allah SW.T. The most important formulation is that each sentence of the verse interpreted by al-Tabari is closely related to the working environment. Trust is divided into two parts, namely the trust of Allah SWT and trust among fellow human beings. In animating integrity, a Muslim should understand that Allah SWT has sent down a message of trust that must be implemented as soon as possible. This obligation can be implemented with self-adheral of positive competence in management or subordinate.

Keywords: *Integrity; work; interpretation; al-Tabari*

Pengenalalan

Amanah adalah nilai tunjang kepada keberkesanan sesuatu amalan kerja. Nilai ini berperanan sebagai prinsip luaran dan dalaman individu dari awal hingga tamat sesuatu proses kerja. Wahbah al-Zuhaili (1998) mentakrifkan amanah daripada segi bahasa sebagai sesuatu kerja atau keperluan yang diberi kepada seseorang untuk dilaksana atau dipelihara.

Amanah dapat difahami sebagai budaya kerja bertanggungjawab bagi menyelesaikan atau menyempurnakan sesuatu tugas dengan baik sama ada sebagai pengurus atau seorang pekerja biasa, meliputi tanggungjawab kepada

pekerja mereka atau organisasi atau majikan (Auni, 2000). Amanah dalam Islam adalah meliputi amanah terhadap ajaran Allah dan Rasul serta amanah sesama manusia. Ini dapat difahami menerusi nas berikut:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمَانَاتِكُمْ
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu sedang kamu mengetahui (salahnya).*³

(8 *al-Anfal*, 8:27)

Keseluruhan amanah ini telah ditekankan dalam pelbagai bentuk teks wahyu dalam al-Quran dan al-Sunnah. Sebagai individu Muslim khususnya di Malaysia, amanah menjadi salah satu nilai dalam amalan kerja yang wajib diamalkan. Kes rasuah, kerja separuh jalan, kelalaian dan pengabaian kerja adalah berpunca daripada kegagalan memahami tuntutan amanah yang diserukan dalam agama. Wahyu sering menekankan kepentingan amanah untuk dijadikan pegangan Muslim, meskipun kelihatan urusan kerja tidaklah termasuk dalam kategori ibadat khusus. Amanah dalam urusan kerja termasuk dalam hal kefarduan hidup yang tidak boleh diabaikan dalam konteks mengamalkan keseluruhan ajaran Islam. Kegagalan menunaikan amanah adalah bererti kegagalan menunaikan salah satu perintah Allah SWT yang penting dalam kehidupan.

Metodologi

Tulisan ini dihasilkan berpandukan reka bentuk kajian kualitatif. Kaedah utama yang digunakan ialah kaedah pengumpulan data dan penganalisan data. Menerusi kaedah ini, penulis mengumpulkan pelbagai data daripada sumber manuskrip primer dan sekunder, seterusnya menjalankan penganalisan dokumen yang menyeluruh. Proses pengumpulan data ini dapat dilakukan dengan berkesan menerusi gerak kerja kepustakaan.

Dalam proses penganalisan data, kaedah deduktif digunakan untuk mendapatkan ayat-ayat amanah dalam *al-Quran al-Karim* dan fakta-fakta pentafsiran dalam karya *Tafsir al-Tabari*. Kaedah deskriptif pula digunakan bagi menghuraikan data-data tersebut termasuk rumusan tentang dapatan kajian.

³ Semua terjemahan ayat al-Quran dalam tulisan ini adalah berdasarkan karya Syeikh Abdullah Basmeih, 2000, Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran, Kuala Lumpur, Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, ed. sebelas.

Menurut Sidek Mohd Noh (2002), reka bentuk deskriptif biasanya dijalankan bertujuan untuk memberi penerangan yang sistematik mengenai fakta yang disasarkan. Seterusnya data diproses dengan kaedah deduktif dan deskriptif bagi menerangkan dasar pentafsiran Imam al-Tabari berkenaan konsep amanah.

Hasil Analisis dan Perbincangan

Pemahaman Amanah Sebagai Elemen Modal Insan

Modal insan adalah keperluan utama dalam amalan kerja yang merangkumi keperluan kualiti dan kuantiti. Ahli ekonomi seperti Elliott (1991) lebih cenderung menekankan modal insan dalam aspek kualiti berbanding kuantiti bekalan buruh. Beliau menyatakan aspek kemahiran dalaman pekerja lebih berpotensi menatijahkan pulangan kerja di tahap yang lebih baik daripada faktor pergantungan terhadap aspek kuantiti pekerja.

Dalam pengurusan modal insan di persada dunia, prinsip agama tidak ketinggalan menjadi sebahagian prinsip dunia pekerjaan yang penting. Agama dilihat mempunyai pengaruh yang kuat ke atas falsafah dan pengurusan sumber manusia di negara-negara umat Islam terutama di Timur Tengah (Metcalf, 2007). Latar belakang Malaysia juga tidak terkecuali membangun bersama institusi-institusi Islam dalam memperkembangkan pengurusan sumber manusia ke tahap lebih baik (Angela & Michael, 2010).

Hasil perkembangan ini, persepsi terhadap pemimpin dijangkakan sentiasa akan menunjukkan tanggungjawab ke atas kualiti kehidupan pekerja, keluarga mereka dan masyarakat tempatan. Dalam hal ini, amanah dinilai sebagai pegangan paling penting. Amanah telah menjadi satu seruan lazim dan bebanan tanggungjawab modal insan yang terdiri daripada para pemimpin dan para pekerja.

Islam telah berperanan memupuk manusia agar menjadi modal insan paling baik menerusi seruan melaksanakan amanah dalam pekerjaan. Dalam perbincangan falsafah ekonomi Islam, amanah dijadikan tunjang utama di samping nilai akidah, *istikhlaf* (urusan pentadbiran), persaudaraan dan penyucian harta (Mohd. Radzi & Ghafarullahuddin, 2005). Tanpa nilai-nilai ini, aktiviti ekonomi akan menjadi cacat dan negatif sebagaimana beberapa kekurangan yang berlaku dalam sistem ekonomi Barat. Sistem ekonomi Barat seperti Sosialis dan Kapitalis terlalu mengutamakan produktiviti tanpa pemupukan nilai insan. Sistem tersebut didapati cenderung mengabaikan isu ketelusan produktiviti dan hak kebajikan serta terbukti mengabaikan hubungan dengan tuhan semasa urusan kerja (Sarimah, 2006). Fokus tentang amanah tidak menjadi persoalan utama dalam perekonomian atau aktiviti pengurusan masyarakat.

Amanah adalah modal insan tajaan Islam yang berupaya mengatasi falsafah ekonomi Barat. Warga Muslim dan para pengamal ekonomi diajar menghayati amalan kerja dengan sebaik mungkin dalam setiap situasi yang dihadapi. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا رَاعِيَةٌ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا، وَالخَادِمُ فِي مَالِ سَيِّدِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: *Ketahuilah semua kamu adalah pengawas (pemimpin) dan semua kamu akan dipertanggungjawabkan atas pimpinannya. Pemimpin adalah pengawas dan bertanggungjawab terhadap rakyatnya. Seorang lelaki (suami) adalah pengawas terhadap keluarganya dan bertanggungjawab atas mereka. Isteri adalah pengawas terhadap rumah suaminya dan ia bertanggungjawab atas perkara itu. Hamba terhadap harta tuannya adalah pengawas dan ia bertanggungjawab atas perkara itu.*⁴

(al-Nawawi, Mahy al-Din Yahya b. Sharaf. t.t. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. no.1829, Qahirah: Dar al-Hadith, hlm. 1375)

Menurut Mufti Muhammad Taqi Usmani (1995):

Keseluruhan hidup ini dikurniakan kepada kita sebagai amanah. Kita dikehendaki menjalani kehidupan ini dengan ketaatan yang bulat kepada apa-apa yang dikehendaki Allah SWT dan petunjuk Rasulullah SAW. Amanah paling besar yang dibebankan kepada setiap manusia tanpa kecuali ialah diri sendiri meliputi (pergerakan) setiap anggota, masa dan tenaga. Tiada seorang pun boleh mendakwa bahawa dia adalah pemilik tangan, mata, telinga dan mana-mana anggota badan. Tubuh badan ini dengan segala anggota telah adalah diamanahkan kepada kita oleh penciptanya. Keseluruhan anggota tubuh badan kita dengan segala kemampuan dan keutamaan masing-masing merupakan kurniaan Allah SWT kepada kita. Kita diseru untuk menggunakan anggota-anggota ini serta tenaga kita dengan cara yang telah diperintahkan kepada kita untuk mengguna kurniaan ini. Sekiranya kita melakukan hal yang di sebaliknya, kita sebenarnya telah melakukan satu pengkhianatan terhadap amanah yang diberi.

Jelas di sini bahawa amanah bertitik tolak kepada pemahaman bahawa setiap apa yang dilakukan perlu menuruti arahan yang diperintahkan oleh Allah SWT. Dalam amalan kerja, anggota badan perlu dimanfaatkan sejajar dengan kelebihan yang diberikan Allah SWT tanpa melakukan perkara-perkara yang

⁴ Semua terjemahan hadis dalam tulisan ini dihasilkan oleh penulis sendiri kecuali jika dinyatakan sebaliknya.

bercanggah dengan norma kebaikan. Pendapat di atas menggambarkan bahawa skop amanah individu Muslim adalah amat luas. Inilah keistimewaan teori dan praktikal amanah dalam Islam. Setiap individu Muslim yang berjaya memahami adalah insan yang cemerlang dalam hubungannya terhadap Tuhan dan manusia.

Latar Belakang Imam al-Tabari

Menurut Ali Yusuf (1989), al-Tabari adalah antara tokoh ulama *turath* yang terkenal dalam penulisan tafsir al-Quran. Nama sebenar beliau ialah Abu Ja'far Muhammad bin Jarir bin Yazid bin Kathir bin Ghalib al-Amali al-Tabari (al-Tabari, 2009). Beliau lebih dikenali sebagai Ibn Jarir atau al-Tabari. Al-Tabari dilahirkan pada pada tahun 224 Hijrah di Tabaristan iaitu sebuah wilayah dalam jajahan Iran suatu ketika dahulu (al-Zahabi, 2005). Al-Tabari telah berkelana menuntut ilmu serta mengunjungi pelbagai tempat seperti Parsi, Iraq, Basrah, Kufah, Syam dan Mesir. Akhirnya beliau mengambil keputusan untuk menghabiskan usia dengan menetap di Baghdad (al-Dawudi, t.t.).

Semasa kembara ilmu di Ray, Parsi, al-Tabari menuntut ilmu hadith daripada Muhammad bin Humaid al-Razi dan al-Mathna bin Ibrahim (al-Tabari, 2009). Al-Tabari juga mendalami ilmu fiqh termasuk mempelajari fiqh Mazhab al-Zahiri semasa berada di Baghdad. Pengajian tersebut dikatakan telah mempengaruhi al-Tabari untuk menghasilkan kitab berjudul *al-Radd 'ala Dzi al-Asfar* yang bertemakan memahami al-Quran berdasarkan maksud zahir ayat. Al-Tabari juga dikatakan mendalami fiqh Mazhab Shafi'i semasa menuntut ilmu di Mesir (al-Dawudi, t.t.).

Al-Tabari meninggal dunia pada bulan Syawal 310 Hijrah (al-Hawawi, 1997). Pada penghujung hayat, beliau semakin aktif beribadah, mengajar, mengajar dan memilih menjauhkan diri daripada terlibat dengan jabatan kenegaraan (Muhammad, 1999). Dengan kekuatan peribadi yang tersendiri, al-Tabari menghasilkan pelbagai karya ilmiah yang menjadi rujukan penting dalam dunia pengajian ilmu Islam. Antara nukilan utama beliau adalah seperti *Tarikh al-Umam wa al-Muluk*, *Ikhtilaf 'Ulama' al-Amsar fi Ahkam Sharai' al-Islam*, *Adab al-Qudhat*, *Dhail al-Mudhil* dan karya terbesar dalam ilmu tafsir iaitu *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*.

Kitab tafsir ini sering disebut sebagai *Tafsir al-Tabari*. Kitab ini menjadi antara kitab aliran *al-ma'thur* yang terawal. Setiap ayat al-Quran berjaya ditafsirkan dengan pentafsiran yang luas. Hasilnya *Tafsir al-Tabari* sering menjadi

rujukan penting kitab tafsir terdahulu dan kitab tafsir masa kini. *Tafsir al-Tabari* terus mendapat tempat dalam lapangan pentafsiran kerana kitab tersebut ditulis dengan ilmu yang tinggi dan tidak terkeluar daripada disiplin asas pentafsiran al-Quran. Menurut Mudawi Ma'arif (2019), al-Tabari menjalankan pentafsiran al-Quran berpandukan empat kaedah utama:

- i. Mentafsirkan ayat-ayat al-Quran berdasarkan ayat-ayat al-Quran itu sendiri, hadis, riwayat sahabat dan tabi'in dengan besertakan *sanad*.
- ii. Mengemukakan pentafsiran dalam konteks perbandingan. Imam al-Tabari mengemukakan pelbagai *qiraat*, teks tafsir dan sumber riwayat kemudian melakukan perbandingan dan *tarjih* (ijtihad ketetapan).
- iii. Mengemukakan pentafsiran secara *tafsili* iaitu pentafsiran yang meliputi pelbagai hal perbincangan termasuk perbahasan aspek Bahasa Arab dan paparan kisah tertentu seperti *Israiliyyat*.
- iv. Mengemukakan pentafsiran mengikut susunan ayat dan surah berdasarkan susunan sedia ada dalam mushaf al-Quran.

Pentafsiran dan Penekanan Terhadap Amanah

Penekanan terhadap nilai amanah sudah ditekankan dalam karya tafsir *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an* meskipun ekonomi dunia ketika itu masih belum berkembang pesat. Al-Tabari meletakkan huraian dan pentafsiran berasaskan kandungan 30 juz al-Quran. Pentafsiran ayat tentang amanah ditekankan berserta dalil-dalil al-Quran dan al-Sunnah, pendapat ahli ilmu Islam dan pendapat peribadi. Karya tersebut termasuk dalam klasifikasi *al-tafsir bi al-ma'thur* iaitu karya tafsir yang berpegang teguh kepada riwayat dan disiplin utama dalam menafsirkan al-Quran. Ia merangkumi tafsir al-Quran dengan al-Quran atau dengan hadis, atau dengan riwayat Sahabat, atau dengan riwayat Tabi'in (al-Dhahabi, 2005).

Al-Tabari selaku *mufassir* agung, tidak ketinggalan mentafsirkan ayat-ayat amanah dalam *al-Quran al-Karim* berpandukan nas-nas syarak dan kupasan *ijtihadiyyah* (kupasannya ilmu dan pendapat peribadi yang berdisiplin). Berdasarkan tinjauan penulis, terdapat lapan ayat yang berhubung dengan amanah yang telah ditafsirkan al-Tabari. Lapan ayat tersebut mengandungi kalimah "*al-amanah*" yang bererti amanah atau tanggungjawab dan kalimah "*al-amanat*" yang bererti pelbagai amanah atau banyak tanggungjawab. Pentafsiran dan penekanan amanah dapat ditinjau seperti berikut:

a) **Ayat 283 Surah al-Baqarah**

Firman Allah SWT:

﴿وَإِنْ كُنْتُمْ عَلَى سَفَرٍ وَلَمْ تَجِدُوا كَاتِبًا فَرِهْنَ مَقْبُوضَةً فَإِنْ مِنْ بَعْضِكُمْ بَعْضًا فَلَْيُرِدِ الَّذِي أَوْثَقْتُمْ عَلَيْهِ وَالْيَتَّقِ اللَّهَ رَبَّهُ وَلَا تَكْنُمُوا الشَّهَدَةَ وَمَنْ يَكْتُمْهَا فَإِنَّهُ آتِمٌ قَابِلُهُ وَاللَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ﴾

Maksudnya: *Dan jika kamu berada dalam musafir (lalu kamu berhutang atau memberi hutang yang bertempoh), sedang kamu tidak mendapati jurutulis, maka hendaklah diadakan barang gadaian untuk dipegang (oleh orang yang memberi hutang). Kemudian kalau yang memberi hutang percaya kepada yang berhutang (dengan tidak payah bersurat, saksi dan barang gadaian), maka hendaklah orang (yang berhutang) yang dipercayai itu menyempurnakan bayaran hutang yang diamanahkan kepadanya, dan hendaklah ia bertaqwa kepada Allah Tuhannya. Dan janganlah kamu (wahai orang-orang yang menjadi saksi) menyembunyikan perkara yang dipersaksikan itu. Dan sesiapa yang menyembunyikannya, maka sesungguhnya ia adalah orang yang berdosa hatinya. Dan (ingatlah), Allah sentiasa Mengetahui akan apa yang kamu kerjakan.*

Menyerusi pentafsiran ayat 283 *Surah al-Baqarah*, al-Tabari (2009) menekankan keperluan menyempurnakan urusan hutang. Beliau mentafsirkan ayat ini adalah berkaitan seseorang yang ingin berhutang semasa perjalanan jauh berkewajipan menyediakan barang cagaran kepada pemiutang apabila ketiadaan pencatat hutang atau alatan tulis. Namun apabila penghutang adalah individu yang dipercayai pemiutang maka tiada keperluan untuk menyediakan barang cagaran.

Dalam pada itu, penghutang tetap perlu bertanggungjawab untuk menyempurnakan urusan hutang. Al-Tabari menekankan amanah dalam konteks ini ialah menghadirkan perasaan takut kepada Allah untuk mengingkari janji hutang. Demikian juga perasaan takut kepada Allah diperlukan dalam jiwa individu yang terlibat sebagai saksi transaksi hutang. Al-Tabari mendatangkan beberapa dalil tentang status dosa besar bagi saksi yang tidak memberi kerjasama dalam urusan tersebut. Dalam pentafsiran ayat ini, Wahbah al-Zuhaili (1998) menekankan yang Imam al-Tabari ternyata cenderung untuk menyatakan adalah wajib bagi mencatat segala amanah hutang. Ini kerana bagi mengelak lupa dan mudarat pelbagai pihak di kemudian hari. Namun menurut pendapat majoriti ulama, tugas mencatat adalah sunat berdasarkan nas ayat yang lain.

Ayat 283 *Surah al-Baqarah* mempunyai hubungan kait yang penting dalam urusan kewangan. Amanah yang ditekankan ialah kewajipan melaksanakan transaksi dengan pedoman syarak dan perasaan takutkan Allah untuk melanggar janji dan membatalkan penyaksian. Dalam konteks sekarang, setiap perbankan amat mentikberatkan kaedah perjanjian. Islam telah mendahului pendekatan sistem perbankan konvensional dengan merintis penekanan atau peringatan amanah terhadap janji hutang. Dapat difahami daripada pentafsiran al-Tabari ini, jika urusan hutang individu memerlukan amanah yang tinggi, apatah lagi dalam urusan mengurus kewangan orang ramai.

b) Ayat 75 Surah Ali 'Imran

Firman Allah SWT:

﴿وَمِنَ أَهْلِ الْكِتَابِ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ بِقِنطَارٍ يُؤَدِّيهِ إِلَيْكَ وَمِنْهُمْ مَنْ إِنْ تَأْمَنَهُ
بِدِينَارٍ لَا يُؤَدِّيهِ إِلَيْكَ إِلَّا مَا دُمَّتْ عَلَيْهِ قَائِمًا ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا لَيْسَ عَلَيْنَا
فِي الْأُمُيِّنِّ سَبِيلٌ وَيَقُولُونَ عَلَى اللَّهِ الْكَذِبَ وَهُمْ يَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Dan di antara Ahli Kitab, ada orang yang kalau engkau amanahkan dia menyimpan sejumlah besar harta sekalipun, ia akan mengembalikannya (dengan sempurna) kepadamu, dan ada pula antara mereka yang kalau engkau amanahkan menyimpan sedinar pun, ia tidak akan mengembalikannya kepadamu kecuali kalau engkau selalu menuntunya. Yang demikian itu ialah kerana mereka mengatakan: «Tidak ada jalannya kami menanggung dosa mengenai orang-orang yang Ummi dan mereka pula selalu berkata dusta terhadap Allah sedang mereka mengetahui (bahawa mereka adalah berdusta).*

Al-Tabari menekankan amanah tentang pengurusan harta dan wang dalam pentafsiran ayat 75 *Surah Ali Imran*. Asas ayat ini adalah berkaitan sikap sesetengah *Ahl al-Kitab* yang enggan memulangkan harta di bawah pengurusannya biarpun dengan kadar tuntutan yang sedikit. Golongan *Ahl al-Kitab* hanya akan menunaikan amanah setelah diminta secara bersungguh-sungguh. Mereka juga merasakan perbuatan itu tidak salah dan tidak berdosa apabila melibatkan bangsa Arab yang sinonim dengan perilaku tidak mahir membaca dan menulis serta dianggap etnik yang tidak berkedudukan.

Al-Tabari menekankan bahawa pelanggaran amanah sebegini amat tercela. Mereka bertindak enggan memulangkan harta atau sesuatu bayaran tanpa segan silu mengeksploitasi nama Allah serta menganggap tindakan mereka adalah benar. Pentafsiran al-Tabari ini menekankan keperluan menunaikan amanah biarpun melibatkan aset yang sedikit. Amanah juga perlu ditunaikan tanpa terkecuali terhadap golongan yang tidak berpendidikan dan sebagainya.

Dalam tafsir *Salaf* yang lebih awal, Ibn ‘Abbas r.a. sekadar mengaitkan ayat ini dengan sikap amanah ‘Abd-Allah bin Salam r.a. Beliau memperoleh amanah dalam bentuk 1200 ukiah emas daripada seorang lelaki. Amanat itu dipelihara dengan sebaik-baiknya. Ibn ‘Abbas r.a. juga mengaitkan nas ayat dengan perilaku khianat. Ada dalam kalangan kaum Yahudi yang hanya diberi amanah satu dinar. Biar pun dengan kadar yang sedikit, tetapi mereka tidak mampu membuktikan sifat amanah. Pentafsiran al-Tabari dan Ibn ‘Abbas r.a. adalah saling menguatkan antara satu sama lain. Masing-masing membawa mesej bahawa terdapat manusia tidak segan silu melakukan khianat terhadap amanah.

c) Ayat 58 Surah al-Nisa’

Firman Allah SWT:

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُكُمْ أَنْ تُؤَدُّوا الْأَمَانَاتِ إِلَىٰ أَهْلِهَا وَإِذَا حَكَمْتُمْ بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ إِنَّ اللَّهَ نِعِمَّا يَعِظُكُمْ بِهِ إِنَّ اللَّهَ كَانَ سَمِيعًا بَصِيرًا﴾

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum antara manusia, (Allah menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhannya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah sentiasa Mendengar; lagi sentiasa Melihat.*

Ayat 58 *Surah al-Nisa’* adalah berkaitan dengan kewajipan pemimpin menunaikan amanah dalam apa jua urusan kehidupan. Al-Tabari menyatakan ulama berbeza pendapat tentang peranan utama pemimpin dalam perintah ayat ini. Ada yang berpendapat ia berhubung dengan urusan kepimpinan umum, ada yang berpendapat tentang urusan pemimpin terhadap kaum wanita dan ada yang berpendapat bahawa ia berhubung dengan etika pengurusan harta rampasan perang. Al-Tabari merumuskan pendapat ulama paling tepat ialah penekanan amanah terhadap para pemimpin dalam setiap urusan mereka. Para pemimpin dikehendaki menguruskan dengan cara yang baik dan mempunyai kebijaksanaan dalam membahagikan hak golongan bawahan.

Dapat difahami menerusi pentafsiran ayat ini, para pemimpin adalah golongan yang diperintahkan untuk menunaikan amanah terhadap pelbagai lapisan masyarakat. Urusan kerja yang berorganisasi memerlukan pemimpin yang adil, bertanggungjawab dan bijak dalam mengurus tadbir amanah. Seandainya pekerja bawahan beramanah tetapi pihak peneraju organisasi pula sebaliknya maka urusan kerja tidak akan menemui kejayaan sebenar.

Sasaran utama pentafsiran al-Tabari adalah sejajar dengan sasaran pentafsiran al-Qurtubi yang merupakan antara *mufasssir* awal aliran *ma'thur*. Pada pendapat al-Qurtubi (2006), ayat ini benar-benar dikhususkan kepada manusia yang mempunyai kuasa dalam pembahagian harta agar tidak melakukan zalim dan ketidakadilan. Namun al-Qurtubi melanjutkan pentafsiran dengan mengaitkan dengan tuntutan amanah umum yang lain. Di samping penekanan amanah terhadap para penguasa, nas ayat turut menyeru agar manusia menyempurnakan amanah dalam aktiviti wuduk, solat, zakat, mandi janabah, puasa dan urusan timbangan jualan.

d) Ayat 27 Surah al-Anfal

Firman Allah SWT:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا لَا تَخُونُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ وَتَخُونُوا أَمْنَتِكُمْ
وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ

Maksudnya: *Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya).*

Ahli tafsir berbeza pendapat tentang orang yang dimaksud dalam ayat ini serta sebab turunnya. Sebahagian berpendapat bahawa ayat ini tentang orang munafik yang menulis surat kepada Abu ufyah dan menceritakan rahsia kaum muslim. Pendapat yang paling utama tentang ayat ini adalah sesungguhnya Allah melarang orang-orang yang beriman mengkhianati Allah, Rasul-Nya, dan amanah yang diamanahkan kepada mereka (Sahlawati *et. al.*, 2017).

Menerusi pentafsiran ayat 27 Surah al-Anfal, al-Tabari menekankan wahyu memerintahkan supaya insan tidak meninggalkan kefarduan yang ditentukan Allah dan Rasul serta menjauhi sebarang pengkhianatan termasuk amanah sesama manusia. Beliau menjelaskan kalimah *amanatikum* dalam ayat ini menjurus kepada makna sebarang urusan dan ia juga ditafsirkan sebagai segala peraturan agama.

Menerusi pentafsiran ayat ini, amanah telah ditegaskan Allah SWT dalam skop larangan mengkhianati amanah agama. Dalam hal melaksanakan amanah tugas, amanah Allah tidak boleh dipandang remeh. Individu yang memilih meninggalkan kefarduan agama dinilai sebagai individu yang mengkhianati maksud amanah. Ini kerana Islam menuntut pelaksanaan amanah secara menyeluruh lebih-lebih lagi amanah kefarduan agama. Minda yang rasional dan iman yang tinggi akan mendorong seseorang untuk menghindari khianat terhadap setiap amanah ini.

e) **Ayat 8 Surah al-Mu'minin**

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رُءُونَ

Maksudnya: *Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.*

Al-Tabari menekankan keperluan menunaikan amanah bersifat umum menerusi pentafsiran ayat 8 *Surah al-Mu'minin*. Ayat ini mengandungi kenyataan tentang sifat orang beriman yang sentiasa menunaikan apa jua amanah yang diberikan kepada mereka. Al-Tabari mentafsirkan orang-orang yang beriman akan membalas kembali kepercayaan amanah dengan amanah. Mereka akan memelihara tanggungjawab tanpa alpa dan memenuhi semua keperluan urusan. Dalam konteks urusan kerja, dapat difahami amanah wajar dilaksanakan dengan komitmen yang tinggi meskipun terbeban dengan pelbagai urusan amanah. Pendapat al-Tabari ini dikemukakan berdasarkan penelitian lafaz *liamanatihim* yang membawa erti “*pelbagai amanah mereka*”.

Pentafsiran kontempori seperti pentafsiran Wahbah al-Zuhaili memperteguhkan maksud amanah yang diketengahkan al-Tabari. Amanah dan janji itu mencakupi segala sesuatu yang dipikul oleh manusia dalam urusan agama dan dunianya. Hal ini merangkumi pergaulan sesama manusia, janji-janji dan pelbagai kegiatan kehidupan (al-Zuhaili, 1998). Amanah lebih umum daripada janji. Setiap janji adalah amanah tentang apa-apa yang sudah disampaikan, baik berbentuk ucapan, perbuatan ataupun keyakinan (Sahlawati *et. al.*, 2017).

Pentafsiran al-Tabari adalah selari dengan riwayat tafsir Ibn ‘Abbas r.a.. Ibn ‘Abbas r.a. mentafsirkan kalimah al-qawiy sebagai kemampuan memikul beban dan kalimah al-amin ialah sifat amanah atau tabiat mahu bertanggungjawab (Muhammad ‘Ali, 2000). Dalam konteks urusan kerja, setiap pekerja perlu dikenali dan dipuji dengan kompetensi ini. Ia menjadi imej terpenting yang perlu ada bagi seseorang pekerja sebelum melaksana dan setelah melaksana tugas. Organisasi boleh memanfaatkan individu yang mempunyai tahap kepercayaan yang tinggi berbanding tenaga kerja yang belum mendapat penilaian awam.

f) **Ayat 26 Surah al-Qasas**

Firman Allah SWT:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَا أَبَتِ اسْتَجِرْهُ إِنَّ خَيْرَ مَنِ اسْتَجَرْتَ الْقَوِيُّ الْأَمِينُ

Maksudnya: *Salah seorang di antara perempuan yang berdua itu berkata: Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan (mengembala kambing kita), sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat, lagi amanah.*

Menurut sesetengah ahli tafsir, ayat 26 *Surah al-Qasas* adalah berhubung dialog salah seorang anak perempuan Nabi Shu'aib a.s. dengan baginda. Anak baginda memperkatakan kompetensi Nabi Musa a.s. bekerja sebagai pengembala haiwan ternakan. Al-Tabari menekankan salah satu kompetensi Nabi Musa a.s. ialah nilai kepercayaan. Nilai ini diistilahkan sebagai anggapan atau akuan bahawa seseorang itu adalah benar. Di samping itu, kepercayaan adalah keyakinan atau harapan terhadap kejujuran seseorang dalam melaksanakan sesuatu tugas (<http://prpm.dbp.gov.my/>, diperolehi pada 23 Februari 2021).

g) Ayat 72 *Surah al-Ahzab*

Firman Allah SWT:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا
وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا

Maksudnya: *Sesungguhnya Kami telah kemukakan tanggungjawab amanah (Kami) kepada langit dan bumi serta gunung-ganang (untuk memikulnya), maka mereka enggan memikulnya dan bimbang tidak dapat menyempurnakannya (kerana tidak ada pada mereka persediaan untuk memikulnya) dan (pada ketika itu) manusia (dengan persediaan yang ada padanya) sanggup memikulnya. (Ingatlah) sesungguhnya tabiat kebanyakan manusia adalah suka melakukan kezaliman dan suka pula membuat perkara-perkara yang tidak patut dikerjakan.*

Menerusi pentafsiran ayat 72 *Surah al-Ahzab*, al-Tabari mengemukakan pendapat para ulama tentang maksud amanah. Amanah dapat dimaksudkan sebagai perihal ketaatan, kewajipan agama, penjagaan keluarga dan amanah urusan manusia. Al-Tabari menegaskan pendapat yang paling bersesuaian ialah amanah dalam agama dan amanah dalam urusan manusia. Ini kerana kalimah amanah yang telah difirmankan Allah SWT dalam ayat ini lebih menjurus kepada makna amanah yang umum. Al-Tabari turut menegaskan manusia juga berpotensi menjadi makhluk yang zalim terhadap diri dan berkeadaan jahil jika rela mensiasikan tanggungjawab yang diberikan Tuhan dan manusia.

Dalam pentafsiran *turath* seperti *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, Ibn Kathir (2000) sekadar mengungkapkan tentang peralihan amanah. Ibnu Kathir menyatakan tafsiran ayat 72 *Surah al-Ahzab* adalah berhubung perihal amanah yang hendak diserahkan kepada langit, bumi dan gunung. Makhluk-makhluk Allah SWT. ini tidak sanggup menerima tanggungjawab amanah lalu diserahkan kepada manusia. Manusia sanggup untuk menerima amanah tersebut. Pentafsiran al-Tabari pula terus memfokuskan terhadap manusia selaku pemikul amanah.

Dalam konteks urusan kerja, setiap individu perlu memahami terdapat dua jenis amanah iaitu amanah daripada Allah SWT dan amanah sesama manusia. Setiap bahagian amanah ini perlu ditunaikan tanpa terabai salah satu daripadanya. Individu yang diberi amanah lazimnya mempunyai potensi dan reputasi yang tinggi. Namun apabila ia mengkhianati sesuatu amanah bererti ia bertindak melakukan kesalahan kepada diri sendiri dan tidak bijak memanfaatkan kepercayaan yang dianugerahkan. Lebih-lebih lagi apabila ia berani mengkhianati amanah daripada Allah SWT.

h) Ayat 32 Surah al-Ma`arij

Firman Allah SWT:

وَالَّذِينَ هُمْ لِأَمْتِهِمْ وَعَهْدِهِمْ رُءُوفُونَ

Maksudnya: *Dan mereka yang menjaga amanah dan janjinya.*

Al-Tabari telah menekankan konsep pemeliharaan amanah menerusi pentafsiran ayat 32 *Surah al-Ma`arij*. Amanah yang perlu dipelihara ialah amanah dalam hal kewajipan perintah Tuhan dan amanah kepercayaan sesama hamba Tuhan. Sebarang amanah ini dapat dipelihara dengan prinsip takwa iaitu menunaikan segala yang diperintahkan dan meninggalkan apa-apa yang dilarang dalam agama secara konsisten.

Amanah urusan manusia pula dapat dipelihara menerusi iltizam yang nekad dalam diri bagi menyempurnakan sesuatu tugas atau kerja. Tiada langsung kemahuan mahu mensia-siakan amanah. Manusia yang beramanah benar-benar menyedari kewajipan ini adalah daripada arahan Allah SWT. Pentafsiran al-Tabari ini mempunyai sedikit perbezaan dengan pentafsiran al-Qurtubi meskipun kedua-dua mereka adalah daripada aliran *tafsir bi al-ma`thur*. Dalam pentafsiran al-Qurtubi (2006) menjelaskan bahawa ayat 32 *Surah al-Ma`arij* menyentuh sifat terpuji orang yang menjaga amanah dan menepati janji. Beliau menegaskan bahawa ayat ini mempunyai kaitan sifat amanah dalam menjaga kehormatan dan kefarduan solat iaitu dalam skop peribadatan. Kedua-dua pentafsiran mempunyai kesamaan daripada segi penekanan sikap terhadap amanah namun berbeza skop amanah yang telah dimaksudkan ayat.

Kesimpulan

Penekanan amanah begitu ketara dalam karya *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Setiap ayat amanah telah ditafsirkan oleh al-Tabari dihubungkan dengan perkaitan dunia pekerjaan. Meskipun pentafsirannya terhasil di era klasik, namun perspektif amanah adalah bersesuaian untuk dihayati individu Muslim sepanjang masa dan tempat.

Pendapat al-Tabari mengandungi idea dan saranan yang terhasil menerusi penelitian terhadap *al-Quran al-Karim* dan sumber ilmu bercorak *al-ma'thur*. Rumusan daripada penekanan beliau dapat dirumuskan seperti kenyataan di bawah:

1. Keperluan menyempurnakan hutang dengan iringan perasaan takut kepada Allah SWT untuk melanggar janji dan membatalkan penyaksian dalam urusan kewangan.
2. Amanah diperlukan dalam pengurusan harta dan wang meskipun membabitkan aset yang sedikit. Amanah juga perlu ditunaikan tanpa terkecuali kepada golongan yang tidak berpendidikan dan tidak berkedudukan.
3. Pemimpin berkewajipan menunaikan amanah dalam apa jua urusan kehidupan dan berlaku adil terhadap segenap lapisan masyarakat.
4. Amanah agama tidak boleh dikhianati biarpun ingin menunaikan amanah manusia.
5. Keperluan membalas kepercayaan dalam tugas dengan sifat amanah yang tinggi iaitu memelihara, tidak mensia-siakan dan memenuhi semua keperluan urusan amanah.
6. Salah satu kompetensi pekerja ialah mempunyai kepercayaan untuk tidak melakukan khianat atau bebas daripada potensi gagal dalam melaksanakan tugas.
7. Manusia menjadi makhluk yang berlaku zalim terhadap diri dan berkeadaan jahil jika ia mensia-siakan tanggungjawab yang diberikan oleh Tuhan dan manusia.
8. Terdapat dua jenis amanah iaitu amanah daripada Allah SWT dan amanah sesama manusia. Setiap bahagian amanah ini perlu ditunaikan tanpa terkecuali.
9. Amanah kewajipan agama dijalankan dengan prinsip ketaatan manakala amanah urusan manusia pula dilaksanakan dengan prinsip penyempurnaan.

Tulisan ini perlu dititikberatkan oleh para pekerja Muslim di seluruh dunia agar mereka dapat menjalankan amanah dengan jalan terbaik. Sebagai contoh dalam konteks sebagai penganut agama terbesar di negara Malaysia, pekerja Muslim pasti menjadi tumpuan tentang cara mereka mempraktikkan amanah dalam urusan kerja dan sebagainya. Amanah dalam amalan kerja terbukti merupakan satu kewajipan yang diperintahkan dalam Islam. Penekanan amanah perlu diterapkan organisasi dan dalam diri sepanjang masa. Nilai ini bukan sekadar berperanan untuk melengkapkan kerja di dunia bahkan ia adalah satu tanggungjawab yang akan dipersoal selepas alam kehidupan manusia. Hakikatnya, menjiwai amanah secara bersungguh-sungguh akan menghasilkan produktiviti atau mutu kerja yang lebih baik lagi sempurna berbanding produktiviti yang dijalankan dengan penghayatan dunia Barat.

Rujukan

Al-Quran al-Karim

- Ali Yusuf Ali. 1989. *Silsilah Ulama Tafsir*. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.
- Angela Baron & Michael Armstrong. 2010. *Pengurusan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Auni Haji Abdullah. 2000. *Hisbah dan Pentadbiran Negara*. Kuala Lumpur: IKDAS Sdn. Bhd.
- Al-Dawudi, Muhammad bin 'Ali. t.t. *Tabaqat al-Mufasssirin*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Dhahabi, Muhammad Husain. 2005. *al-Tafsir wa al-Mufasssirin*. Misr: Maktabah al-Qahirah.
- Al-Hamawi, Abu Abdillah Yaqut bin Abdillah. 1997. *Mu'jam al-Udaba*. Beirut: Muassasah al-Ma'arif.
- Al-Nawawi, Mahy al-Din Yahya b. Sharaf. t.t.. *Sahih Muslim bi Sharh al-Nawawi*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Qurtubi, Abi 'Abd-Allah Muhammad bin Ahmad. 2006. *Al-Jami' li Ahkam al-Qur'an*. Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Ibn Jarir. 2009. *Jami' al-Bayan 'an Ta'wil Ay al-Qur'an*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyah.
- Al-Zahabi, Muhammad Husain, Dr. 2005. *Al-Tafsir al-Mufasssirin*. Qahirah: Dar al-Hadith.
- Al-Zuhaili, Wahbah. 1998. *al-Tafsir al-Munir fi al-'Aqidah wa al-Shari'ah wa al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2021. *Kepercayaan*. <http://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=kepercayaan> = 23 Februari 2021.
- Elliot, R.F. 1991. *Labor Economics*. Maidenhead: McGraw-hill.
- Ibn Kathir, Abu al-Fida' Isma'il bin 'Umar. 2000. *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*,

- Beirut-Lubnan: Dar Ibn Hazm.
- Jamal al-Din Muhammad b. Mukarram b. Manzur. 2003. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadir.
- Metcalf, B.D. 2007. *Gender and Human Resource Management in the Middle East*. International Journal of Human Resource Management.
- Mohd. Radzi Othman & Ghafarullahuddin Din. 2005. *Ekonomi Dalam Perspektif al-Qur'an dan al-Sunnah*. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Mudawi Ma'arif. 2019. *Penafsiran Qiraah Ganda*. Tesis doktor falsafah. Surabaya: Universitas Islam Negeri Sunan Ampel.
- Muhammad 'Ali Baighun. 2000. *Tanwir al-Miqbas min Tafsir Ibn 'Abbas*. Beirut-Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Mufti Muhammad Taqi Usmani & Shakir Rizwani (terj.). 1995. *Islam Awr Jiddat Pasandi. Islam and modernisme*. Lahore: Idara-e-Islamiat.
- Muhammad Amhazun. 1999. *Fitnah Kubro: Tragedi pada Masa Sahabat-Kalrifkasi Sikap serta Analisis Historis dalam Perspektif Ahli Hadits dan Imam al-Thabary*. Daud Rasyid (terj.). Cet I, Jakarta: LP2SI Al-Haramain.
- Sahlawati Abu Bakar, Mariam Abd. Majid & Nurzatil Ismah Azizan. *Kepentingan Sifat Amanah: Analisis Tematik Dalam Al-Quran*. Kertas kerja Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD 2017). Selangor: Kolej Universiti Islam Selangor.
- Sarimah Hanim Aman Shah. 2006. *Ekonomi dari Perspektif Islam*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sidek Mohd Noh. 2002. *Reka Bentuk Penyelidikan: Falsafah, Teori dan Praktis*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Syeikh Abdullah Basmeih. 2000. *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Quran*. Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri. Kuala Lumpur: Dar al-Fikir.